

SOALAN NO.: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2016 [RABU]

SOALAN :

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan sumbangan besar Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit (MPOB) dalam menghasilkan biodesel bagi merancakkan lagi industri termasuk industri pengangkutan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang telah ditubuhkan pada bulan Mei 2000, memberi fokus kepada aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan berkaitan industri sawit. Ini termasuk membangunkan teknologi baru dalam penggunaan minyak sawit.

Dalam hal ini, MPOB telah berjaya mengkomersialkan teknologi pengeluaran metil ester sawit (biodiesel sawit). Sehingga kini, teknologi MPOB dalam pengeluaran biodiesel sawit telah dikomersilkan di mana lima (5) buah kilang biodiesel sawit bergred biasa dan tiga (3) buah kilang bergred musim sejuk beroperasi dalam negara. Selain itu, dua (2) buah kilang biodiesel sawit di Thailand dan sebuah kilang di Korea Selatan dan Colombia, masing-masing menggunakan teknologi MPOB.

Tuan Yang Di-Pertua,

Selain itu, MPOB turut melaksanakan ujian lapangan komprehensif dengan syarikat-syarikat automotif mengenai kesesuaian penggunaan adunan biodiesel sawit dengan diesel petroleum. Hasil daripada pelaksanaan ujian lapangan ini, mulai Disember 2016, Program B10 (adunan 10% biodiesel sawit dan 90% diesel petroleum) akan mula dilaksanakan secara berfasa. Selain itu, Program B7 (adunan 7% biodiesel sawit dan 93% diesel petroleum) juga akan diperkenalkan buat pertama kali bagi sektor industri. Langkah ini, akan dapat meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam negara yang dianggarkan sebanyak 800,000 tan setahun.

Adalah dianggarkan sebanyak 2.4 juta tan emisi karbon dioksida (CO₂) dapat dikurangkan melalui Program B10. Jumlah ini adalah bersamaan dengan pengurangan pelepasan CO₂ sebanyak 100,000 kenderaan diesel setahun. Usaha ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan intensiti pelepasan Gas Rumah Kaca (*Greenhouse Gas*) daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 45 peratus menjelang 2030.

Sekian, terima kasih.